

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

RAE 342 - Sejarah Seni Bina II

Tarikh: 5 April 1987

Muka: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. "Cara hidup dapat dicerminkan melalui Seni Bina, Seni Bina juga dapat mencerminkan cara hidup sesuatu bangsa".

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, bincangkan bagaimanakah ia dapat dikaitkan dengan rekabentuk rumah-rumah tradisional Melayu.

(20 markah)

2. Seni Bina di India kebanyakannya ada kaitan dengan kehidupan keagamaan di India, iaitu program berakar umbi dalam kehidupan seharian, adat, simbolisma dan kehidupan am. Bincangkan secara ringkas, dengan bantuan lakaran dan contoh-contoh terpilih, akan konsep-konsep Seni Binanya.

(20 markah)

3. Perkembangan Agama Buddha di kawasan Asia Tenggara terbahagi kepada dua gelombang utama. Dengan bantuan lakaran terangkan dua aliran agama tersebut dan pengaruhnya terhadap Seni Bina di negara-negara seperti Sri Langka, Thailand, Kambodia dan Burma.

(20 markah)

4. Dengan bantuan lakaran dan contoh-contoh yang terpilih terangkan dengan ringkas konsep, bentuk dan fungsi TIGA daripada tajuk-tajuk berikut:

- (a) Stupa
- (b) Stambhas
- (c) Gopuram
- (d) Pintu Gerbang
- (e) Rathas

(20 markah)

5. Seni Bina Islam bukanlah hasil sesuatu bangsa atau tempat malah merangkumi berbagai kebudayaan. Mengambil contoh Masjid sebagai bangunan utama. Bincangkan bagaimakah konsep pembinaan masjid ditafsirkan oleh berbagai bangsa dan kebudayaan di dunia.

Nyatakan juga ciri-ciri, bahan binaan dan hubungannya dengan iklim sesuatu tempat itu.

(20 markah)

6. Bincangkan sejauhmanakah konsep dan perkembangan Pintu Gerbang yang terdapat pada perkampungan orang-orang Aryan mempengaruhi Sina Bina Buddha di India, China dan Jepun.

Terangkan dengan ringkas kepentingan dan hubungannya dengan hal-hal keagamaan.

Jawapan hendaklah disertakan dengan lakaran dan contoh-contoh terpilih.

(20 markah)

7. Secara ringkas terangkan TIGA daripada tajuk-tajuk berikut dan hubungannya dengan perancangan sesebuah Masjid. Jawapan hendaklah disertakan dengan lakaran.

- (a) Kiblat
- (b) Mihrab dan Mimbar
- (c) Menara
- (d) Kubah

(20 markah)

-oooo0ooo-

196